

17 FEB 1996

LE TOUR DE LANGKAWI: SEMUA PERSIAPAN TELAH DIBUAT

KUALA LUMPUR, 17 Feb (Bernama) -- Semua persiapan telah dibuat untuk mengadakan acara berbasikal terbesar di Asia - Le Tour de Langkawi - yang akan dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 29 Feb ini di Langkawi.

Ketua Eksekutif penganjur acara itu, First Cartel Malaysia Sdn Bhd, Haji Salim Yatim berkata sebanyak 21 pasukan dari dalam dan luar negara telah mengesahkan penyertaan mereka dan setakat ini jumlah sumbangan yang diterima sudah melebihi RM4 juta.

"Kami berharap lebih banyak lagi pihak korporat akan tampil untuk memberi sumbangan untuk mencapai sasaran kami RM9 juta," kata beliau.

Beliau juga mengalu-alukan sokongan kerajaan-kerajaan negeri dan pihak lain seperti Polis Trafik kepada pihaknya yang buat pertama kali menganjurkan acara sebesar itu.

"Saya difahamkan kerajaan-kerajaan negeri akan membekalkan makanan kepada peserta-peserta sepanjang acara sejauh 1,478 km itu," kata beliau.

Kata beliau Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) telah bersetuju untuk memberi diskaun kepada peserta-peserta.

Acara berbasikal itu akan melalui pusat-pusat yang disediakan khas di semua negeri di Semenanjung sementara acara-acara lain juga akan diadakan untuk memeriahkannya lagi. -- BERNAMA.

HAI WAT OBA.